

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 DECEMBER 2016

Mengapa begitu Dr. Mahathir?

um-6/12/2016

Oleh ZULKIFLI JALIL
pengarang@utusan.com.my

ANALISIS



TAK tercapai dek akal apabila melihat Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh duduk di atas pentas persidangan DAP di Shah Alam kelmarin.

Duduk sebaris dengan musuh-musuh ketatnya dahulu, anak beranak 'Dinasti Lim' - Lim Kit Siang dan anaknya Lim Guan Eng.

Aduhai! kenapa jadi begini Dr. Mahathir?

Dahulu, semasa Tengku Razaleigh Hamzah mengepalai Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang bersekutu dengan Pas, Ku Li dan para pemimpin kanan parti itu tidaklah sampai terhegeh-hegeh hingga duduk atas pentas DAP.

Kalau diikutkan prinsip Dr. Mahathir waktu itu, dia cukup marah jika tahu pemimpin Melayu bersekongkol dengan DAP. Orang Melayu seperti itu katanya tidak boleh diampunkan sebab dalam DAP tiada sifir Melayu.

Tetapi lain dahulu, lain sekarang.

UMNO mesti memandang jauh ke hadapan. Pilihan raya umum (PRU) ke-14 pun hanya beberapa bulan lagi (jika diandaikan tahun depan).

Berdikit-dikit, lama-lama membukit. Itulah *game* yang dimainkan DAP ketika ini. Dr. Mahathir yang 'bijak bercakap' sudah pun dalam genggaman mereka.

Kalau berdasarkan perangkaan PRU-13, sejumlah 89 kerusi parlimen yang memiliki 35% ke atas pengundi Cina disapu bersih oleh DAP dan PKR. Dipercayai ia tidak berubah menjelang PRU-14. Kira-kira 24 bilangan kerusi campuran yang memiliki antara 25% ke 35% Cina pula rata-ratanya dikuasai DAP juga dalam PRU-13. Kerusi inilah yang cuba dikuasai DAP.

Kewujudan PAN adalah strategi DAP untuk menarik

sedikit peratusan undi orang Melayu. Walaupun tidak besar namun cukup untuk memberi kelebihan buat mereka.

Walaupun pakatan harapan yang induknya dikepalai DAP boleh menawarkan calon Perdana Menteri dari kalangan Melayu, adakah itu cukup untuk memastikan nasib Islam di negara ini tidak tergunat?

Lihatlah perangai Dap hari ini. Secara serius parti itu menentang rang undang-undang untuk memperkasakan Mahkamah Syariah yang bukanlah pun urusan mereka. Sampai bab Islam macam itupun dilenjannya.

Apa sudah jadi dengan nasib penduduk Kampung Mutiara, Batu Ferringghi? Bagaimana pula dengan nasib penduduk di kira-kira 25 buah kampung Melayu yang lenyap atau bakal lenyap di sejak beberapa tahun lalu.

Dan 'paling klasik' adalah bagaimana DAP membuang Pas, sebuah parti Islam dan Melayu daripada pakatan pembangkang tempoh hari.

Ibarat 'habis manis sepah dibuang' atau 'lembu punya susu, sapi dapat nama', lihatlah bagaimana wakil-wakil Pas dipecat dan dinyah sebegitu sahaja dari pentadbiran negeri Pulau Pinang. Tiada langsung simpati atau belas ihsan daripada Guan Eng. Bukankah Pas juga berjasa menaikkan DAP di negeri itu.

Demikianlah survival Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang pernah dihina, dicerca dan diletakkan di tapak kaki Guan Eng sahaja - hanya kerana Guan Eng begitu menginginkan undi orang Cina.

Mengapa Dr. Mahathir ke persidangan DAP kelmarin? Mengapa?